


Ekspo APK UMS ke-15 pada 23-28 November ini



UB 22.11.2016 69
KOTA KINABALU: Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-15 akan diadakan bermula 23 sehingga 28 November ini.

Bertempat di Padang Ka-

wad UMS, ekspo ini antara lain bertujuan menggalakkan siswa-siswi UMS melibatkan diri dalam dunia perniagaan serta menyahut cabaran untuk menjadi usahawan muda, selain sebagai platform kepada para pelajar kursus APK di bawah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mencipta idea yang kreatif dan baharu hasil daripada inspirasi persekitaran.

Bertemakan 'Realizing Future Entrepreneur', ekspo ini mempunyai lebih 110 gerai yang menjual barangan hasil aspirasi dan inovasi para

siswa-siswi UMS, termasuklah makanan, minuman, permainan, pakaian serta perkhidmatan.

Di samping itu, pelbagai aktiviti turut disediakan kepada para pengunjung seperti cabaran permainan 'Treasure Hunt' dengan hadiah lumayan serta cabutan bertuah untuk pengunjung yang membeli lebih daripada RM15.

Justeru, orang ramai dialu-alukan untuk hadir dan memeriahkan lagi ekspo yang akan berlangsung bermula jam 8 pagi sehingga 9 malam ini.